

# Projek sukarelawan siswa UTHM Heal Rohingya

**A**tas dasar keprihatinan yang tinggi, empat sukarelawan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan satu misi bantuan kemanusiaan yang diberi nama Projek Sukarelawan Siswa UTHM 'Heal Rohingya' @ HERO dengan kerjasama NGO Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) pada 9 hingga 14 Oktober 2017.

Bagi mencapai objektif misi tersebut, pasukan sukarelawan yang terdiri daripada Raihanah Khairudin, 22, Nur Salsabilah Hamdan, 23, Siti Syuhada Abdul Latiff, 23, dan Raziff Buyong, 23, pelajar tahun akhir Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP) ini telah turun ke lokasi Kem Pelarian Rohingya Balukhali, Khutupalong & Jamtuli, Cox's Bazar, Bangladesh untuk menghulurkan bantuan.

Penganjurannya bertujuan untuk menyalurkan sumbangan daripada warga UTHM serta komuniti setempat terus kepada pelarian Rohingya di kem penempatan sementara pelarian di Cox's Bazar, Bangladesh.



**Sukarelawan bersama sebahagian masyarakat Rohingya di salah sebuah kem pelarian.**

Sebagai permulaan, jumlah keseluruhan sumbangan yang berjaya dikumpulkan dan diserahkan adalah sebanyak RM3,250 bersamaan 62,075 Tk selain tajaan daripada universiti sendiri melibatkan tiga unit khemah penempatan sementara, satu unit telaga air dan lebih 100 pek makanan yang berisi beras dan minyak masak.

Rentetan daripada pengalaman menyayat hati ketika berada di kem pelarian ini, timbul satu kesedaran dalam kalangan pasukan sukarelawan ini untuk meneruskan misi bantuan seterusnya dengan memfokuskan kepada aspek pendidikan pula.

Bagi mencapai hasrat tersebut, mereka meneruskan lagi usaha mengutip dana

## Info

- Persatuan Pengusaha Tadika Berdaftar Negeri Johor sumbang RM30 ribu untuk Tabung Pendidikan Rohingya

sehingga ke hari ini. Hasilnya, baru-baru ini, Persatuan Pengusaha Tadika Berdaftar Negeri Johor telah menyerahkan wang sumbangan bernilai RM30 ribu untuk Tabung Pendidikan Rohingya dalam satu majlis ringkas yang diadakan di FPTP pada 28 Mac lalu.

"Sumbangan ini merupakan satu kutipan yang besar dan permulaan yang baik untuk pasukan kami meneruskan lagi misi kemanusiaan ini. Dengan sokongan penuh yang diberikan oleh pihak fakulti dan universiti, program Bantuan Pendidikan Rohingya 2.0 akan dilaksanakan pada Julai akan datang melibatkan puluhan sukarelawan yang terdiri daripada pelajar dan staf fakulti," kata Raihanah selaku Pengarah Program 'Heal Rohingya' @ HERO.